

**ENAKMEN 7 TAHUN 2001
ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH (TAKZIR) (TERENGGANU) 2001**

**BAHAGIAN III - KESALAHAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN KESUCIAN AGAMA ISLAM DAN
INSTITUSINYA.**

Seksyen 13. Mengeluarkan fatwa.

- (1) Tidaklah boleh sesiapa, kecuali Mufti atau Jawatankuasa Fatwa, sama ada secara lisan atau tulisan, membuat dan mengeluarkan Fatwa mengenai Agama Islam atau Hukum Syarak.
 - (2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.
-